

UM 17 OCT 2001
Najib

berpengalaman luas pimpin UMNO Pahang — Khalil

KUANTAN 30 Sept. — Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, pelantikan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang menggantikannya adalah satu perkara biasa.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat oleh Majlis Tertinggi UMNO mengambil kira pelbagai perkara seperti yang telah dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, Najib juga mempunyai pengalaman luas dalam memimpin UMNO negeri dan pernah menjadi pengerusi ketika menyandang jawatan Menteri Besar, tidak lama dahulu.

“Dengan pengalaman luas itu, beliau boleh memberi sumbangan yang besar kepada UMNO Pahang,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan penutupan Sukaneka Kemas Indera Mahkota di sini hari ini.

Pengumuman mengenai pelantikan Najib sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang dibuat oleh Dr. Mahathir kelmarin selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu negara.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu dibuat kerana Khalil diperlukan untuk memberi tumpuan sepenuh masa di ibu pejabat.

Beliau berkata, selain itu Khalil perlu memberi tumpuan kepada Kementerian Penerangan yang dianggap penting.